



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA**

**NORIDAH BINTI AB RAHIM**

**FPP 2003 11**

**AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA**

**Oleh**

**NORIDAH BINTI AB RAHIM**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Master Sains**

**Julai 2003**



## *DEDIKASI*

*Setulus dan sewangi ingatan buat,*

*Arwah ayahanda yang tercinta,*

*Bonda yang dikasih,*

*Suami dan Anak-anakku,*

*Terima kasih di atas kesabaranmu sepanjang pengajianku*

*Abang, Kakak dan Adik-adik,*

*Terima kasih kerana memahami diriku dan sokonganmu,*

*Kalian sumber inspirasiku,*

*Kejayaan ini sebenarnya milik kita bersama*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH  
NEGERI MELAKA**

**Oleh**

**NORIDAH BINTI AB RAHIM**

**Julai 2003**

**Pengerusi: Foo Say Fooi, Ph.D.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan menyelidik tahap amalan pengetua dalam pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Kajian ini menumpukan kepada tahap amalan pengetua dalam empat aspek pengurusan, iaitu aspek perancangan, pembelian, pilihan alternatif dan kawalan Kajian ini juga cuba mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap amalan pengetua dalam pengurusan kewangan berdasarkan faktor demografi Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengetua dalam pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan

Sebanyak 56 orang pengetua dari sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negeri Melaka, terlibat dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini dipilih secara persampelan rawak mudah. Soal selidik kajian telah diubahsuai daripada soal selidik Zawakhir (2001). Soal selidik tersebut mengandungi empat aspek amalan pengurusan kewangan. Nilai kebolehpercayaan soal selidik kajian ialah 0.86. Data yang diperolehi, dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Kaedah statistik yang digunakan ialah peratusan, min, sisihan piawai, kekerapan, ANOVA dan Ujian-T .

Hasil kajian menunjukkan tahap amalan pengetua dalam pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan, secara keseluruhan adalah baik. Begitu juga dengan tahap amalan pengetua dalam aspek perancangan dan kawalan, berada pada tahap baik, manakala tahap amalan pengetua dalam aspek pembelian dan pilihan alternatif pula, berada pada tahap kurang baik. Hasil kajian juga mendapati, terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetua perempuan dan pengetua lelaki dalam amalan merancang, di mana amalan merancang bagi pengetua perempuan lebih baik daripada pengetua lelaki. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masalah kurang latihan dalam pengurusan kewangan sekolah merupakan salah satu faktor yang menghalang kecekapan pengetua dalam pengurusan kewangan sekolah. Justeru itu, dicadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan latihan pengurusan kewangan bagi semua pengetua sekolah, agar keberkesanan pengurusan kewangan sekolah dapat dipertingkatkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**FINANCIAL MANAGEMENT PRACTICES AMONG PRINCIPALS OF  
SECONDARY SCHOOLS IN MELAKA**

By

**NORIDAH BINTI AB RAHIM**

**Julai 2003**

**Chairman : Foo Say Fooi, Ph.D.**

**Faculty : Educational Studies**

The purpose of the study is to determine the level of principals practices in the management of Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan. This study concentrating on the level of principals practices in four aspects of management, namely planning, purchasing, alternative option and control. This research is also seek to identify whether there is significance difference on the level of financial management based on the demografic variables. This study is also aimed at, identifying the problems faced by principals in the management of Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan.

A total of 56 principals from government secondary schools in the state of Melaka, are involved in this study. The respondents in this study are selected



based on random sampling. The questionnaire, was developed based on Zawakhir ( 2001 ). The questionnaire consisted of four aspects of principal's level of practices in schools financial management. The reliability of the instrument is 0.86. the data is collected and analyzed by using SPSS program. The statistics approaches used are percentage, mean, standard deviation, frequency, ANOVA and T-test.

Results of the study shows that the level of practices by the principal in the management of Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan, are generally good. Similarly, the practices in the aspects of planning and control, are also good, whereas the level of principal's practices in the aspect of purchasing and alternative option, are in unsatisfactory. There was also significance difference between men and women in financial planning. The women principals are more effective in financial planning management than men. Finding of the study showed that one of the problem faced by the school principals is insufficient training in school financial management. Therefore, it is suggested that the Kementerian Pendidikan Malaysia should provide financial management training to school principals. So that, it will increase the effectiveness of school financial management.



## PENGHARGAAN

Di dalam kesempatan yang begitu terbatas ini, setinggi-tinggi kesyukuran di rafa'kan ke hadrat Allah rabbal 'izzati kerana dengan izin dan rahmatnya maka tesis ini dapat disiapkan dan disempurnakan. Tidak lupa juga shalawat dan salam buat junjungan besar kekasih Allah, Nabi Muhammad saw, ahli keluarga baginda dan jemaah sahabat, tabien dan seluruh kaum muslimin pejuang agama Allah.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga khas ditujukan buat Dr. Foo Say Fooi, Prof. Madya Dr. Zakaria bin Kasa dan Puan Rosnani Jusoh selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini. Sesungguhnya penulis amat menghargai segala tunjuk ajar, teguran, nasihat dan ketelitian ahli-ahli jawatankuasa terutama Dr. Foo Say Fooi selaku ketua jawatankuasa dalam memberi pengajaran dan didikan serta membetulkan kesalahan dan kesilapan yang dibuat oleh penulis.

Namun tidak dilupakan juga buat seluruh pensyarah khususnya Encik Shoaib Bin Asimiran, yang juga merupakan penasihat akademik kepada penulis serta tenaga pengajar di Fakulti Pengajian Pendidikan di atas segala keikhlasan dan kesungguhan dalam mencurahkan ilmu pengetahuan dan didikan kepada penulis. Juga setinggi apresiasi penulis garapkan buat semua pengetua yang terlibat dan banyak membantu penulis dalam mengendalikan kajian ini. Semoga bantuan yang diberikan itu akan mendapat ganjaran yang baik di sisi Allah swt.



Seterusnya, junjungan kasih dan sulaman sayang ditujukan khusus buat bonda; Hajah Che'Ngah Binti Abu, suami; Asli Bin Hasan dan anak-anak; Shazwani dan Muhammad Zahin di atas dorongan, kesabaran dan pengorbanan yang diberikan selama ini. Ucapan ribuan terima kasih juga buat abang, abang ipar, kakak dan kakak ipar di atas kefahaman dan keprihatinan yang banyak memberi dorongan dan inspirasi kepada penulis untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu.

Tidak dilupakan sekalung terima kasih buat semua rakan-rakan seperjuangan, Nor Rashidah dan Haris atas segala dorongan, nasihat dan sokongan yang diberikan. Penulis juga amat berterima kasih kepada semua kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan terutamanya kepada Encik Jemarupin bin Jemakir yang banyak memberikan kerjasama dan bantuan.

Akhirnya setinggi terima kasih dan penghargaan penulis ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membantu penulis menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya hanya Allah swt. sahaja yang dapat membalas budi dan jasa kalian.

Semoga kajian yang tidak seberapa sempurna ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada pencinta-pencinta ilmu.

Noridah Binti Ab. Rahim

Julai 2003



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SINGKATAN	xviii
<b>BAB</b>	
<b>I      PENGENALAN</b>	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	10
Soalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	13
Batasan Kajian	14
Definisi Istilah	14
Amalan Pengurusan Kewangan Sekolah	14
Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan	15
Akaun Belum Terima	16
Akaun Belum Bayar	16
Belanjawan Sekolah	17
Kesimpulan	17
<b>II     KAJIAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	18
Pendekatan Sistem dalam Merancang dan Membuat Keputusan Bagi Pengurusan Kewangan Sekolah	18
Konsep <i>Planning Programming Budgetting System</i> (PPBS) dalam Pengurusan Kewangan Sekolah	22
Aspek Perancangan dan Kawalan dalam Pengurusan	28
Perancangan	29
Kawalan	31
Kaitan Antara Perancangan dan Kawalan	31
Kaitan Antara Pengurusan dan ciri-ciri Demografi	33



Belanjawan dalam Perancangan Kewangan Sekolah	34
Pengetua dan Prosedur Pembelian	35
Pengetua dan Prosedur Pembayaran	36
Tugas Pengetua dalam Pengurusan Sekolah	38
Tugas Pengetua dalam Pengurusan Kewangan Sekolah	42
Pengetua dan Masalah Pengurusan Kewangan Sekolah	48
Kesimpulan	58
<b>III    METODOLOGI</b>	
Pengenalan	60
Reka Bentuk Kajian	60
Kerangka Kajian	61
Tempat Kajian	63
Populasi dan Persampelan	63
Populasi	63
Persampelan	64
Instrumentasi	67
Kesahan dan Kebolehpercayaan	72
Tatacara Pengumpulan Data	76
Penganalisan Data	77
Kesimpulan	82
<b>IV    DAPATAN</b>	
Pengenalan	83
Latar Belakang Responden	83
Maklumat Sekolah	85
Nilai Min Keseluruhan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan	85
Amalan Pengetua dalam Aspek Merancang	86
Amalan Pengetua dalam Aspek Pembelian	88
Amalan Pengetua dalam Aspek Pilihan Alternatif	91
Amalan Pengetua dalam Aspek Kawalan	94
Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Berdasarkan Jantina	98
Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan berdasarkan Gred Sekolah	98
Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan berdasarkan Lokasi Sekolah	100
Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan berdasarkan Umur	102

Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan	
Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan berdasarkan Tempoh	
Menyandang Jawatan Pengetua	102
Masalah-masalah Umum Pengurusan Kewangan Sekolah	103
Halangan Kecekapan	103
Kecukupan Sumber Peruntukan	104
Kecukupan Masa	110
Akaun Belum Terima	111
Akaun Belum Bayar	111
Pematuhan Pengetua dalam Prosep Pembelian	113
Pematuhan Pengetua dalam Proses Pembayaran	114
Langkah-langkah Menangani Masalah Pengurusan Kewangan	115
Tingkatkan Kecekapan	115
Menambah Sumber Kewangan Sekolah	116
Cadangan Mengelakkan Wujudnya Akaun Belum	
Terima dan Akaun Belum Bayar	119
Kesimpulan	121

## **V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Pengenalan	127
Rumusan	127
Dapatan Kajian	126
Perbincangan	127
Tahap Amalan Merancang	130
Tahap Amalan Pembelian	135
Tahap Amalan Pilihan Alternatif	138
Tahap Amalan Kawalan	142
Masalah Umum Pengurusan Kewangan Sekolah	144
Kesimpulan Kajian	150
Cadangan	152
Cadangan Kajian Lanjut	153
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>155</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>164</b>
A Borang Soal Selidik	165
B Senarai Nama Sekolah Kajian	178
C Senarai Panel Penyemak Soal Selidik	181
D Senarai Peruntukan Bantuan Per Kapita	182
Surat Kebenaran Menjalankan Kajian- EPRD	185
Surat Kebenaran Menjalankan Kajian -	
JPN, Melaka.	186
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>187</b>



## SENARAI JADUAL

No .	Jadual	Halaman
2.1	Lima Fungsi Pengurusan	28
3.1	Taburan Populasi Pengetua Sekolah Mengikut Daerah	64
3.2	Penentuan Saiz Sampel Berasaskan Persampelan Rawak Mudah	66
3.3	Pemarkatan Item Positif Dan Negatif	70
3.4	Agihan Item Soal Selidik	75
3.5	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Bagi Kajian Rintis Amalan Pengurusan Kewangan Sekolah	76
3.6	Pemilihan Alat Statistik Berasaskan Skala Pengukuran Tuckman (1978).	79
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina, Umur, dan Tempoh Menyandang Jawatan Pengetua	84
4.2	Maklumat Sekolah Berdasarkan Gred dan Lokasi Sekolah	85
4.3	Nilai Min Keseluruhan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan	86
4.4	Amalan Pengetua dalam Aspek Merancang	89
	Amalan Pengetua dalam Aspek Pembelian	92
4.6	Amalan Pengetua dalam Aspek Pilihan Alternatif	96
4.7	Amalan Pengetua dalam Aspek Kawalan	99
4.8	Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Berdasarkan Jantina	100
4.9	Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Oleh Pengetua Berdasarkan Gred Sekolah	101

4.10	Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Berdasarkan Lokasi Sekolah	101
4.11	Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Berdasarkan Umur	102
4.12	Perbezaan Tahap Amalan Pengetua dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan Dengan Tempoh Menyandang Jawatan Pengetua	103
4.13	Halangan Kecekapan dalam Pengurusan Kewangan Sekolah	104
4.14	Kecukupan Sumber Peruntukan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan	109
4.15	Kecukupan Masa dalam Pengurusan Kewangan Sekolah	110
4.16	Sebab-sebab Berlakunya Akaun Belum Terima	111
4.17	Sebab-sebab berlakunya Akaun Belum Bayar	112
4.18	Pematuhan Pengetua dalam Proses Pembelian	114
4.19	Pematuhan Pengetua dalam Proses Pembayaran	116
4.20	Cadangan Bagi Meningkatkan Kecekapan Dalam Pengurusan Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan	117
4.21	Langkah-langkah Menambahkan Sumber Kewangan Sekolah	120
4.22	Cadangan Mengelakkan Wujudnya Akaun Belum Terima Dan Akaun Belum Bayar	121

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Sistem Merancang – Merangka Program Belanjawan (Planning Programming Budgetting System –PPBS)	20
2.2	Fasa Membuat Keputusan	21
2.3	Model Pengoperasian Pengurusan Kewangan Sekolah	26
2.4	Perancangan Sebagai Teras	30
2.5	Perhubungan Rapat Antara Perancangan Dan Kawalan	32
2.6	Proses Perancangan Dan Perbelanjaan Peringkat Sekolah	40
3.1	Kerangka Kajian	62
3.2	Min Skor Amalan Pengetua Dalam Pengurusan Kewangan Sekolah	81



## SINGKATAN

1. ABB : Akaun Belum Bayar
2. ABT : Akaun Belum Terima
3. ABM : Alat Bantu Mengajar
4. ANOVA : Analysis of Variance
5. BPPP : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
6. *EPRD* : *Educational Planning and Research Departmen*
7. GPK : Guru Penolong Kanan
8. GKMP : Guru Kanan Mata Pelajaran
9. HEM : Hal Ehwal Murid
- IAB : Institut Aminuddin Baki
10. JPN : Jabatan Pendidikan Negeri
11. KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
12. KWBK : Kumpulan Wang Bantuan Kerajaan
13. LPBT : Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun
14. LPK : Lain-lain Perbelanjaan Khas
15. *LO* : *Local Order* (Pesanan Tempatan)
16. *PCG* : *Per Capita Grant* (Geran Perkapita)
17. *PPBS* : *Planning Programming Budgetting Systems*
18. PTJ : Pusat Tanggungjawab
19. SBPP : Sistem Belanjawan Program dan Prestasi
20. SPSS : Statistical Package for Social Sciences





## BAB I

### PENGENALAN

#### Latar Belakang Kajian

Setiap tahun kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melalui Kementerian Pendidikan Malaysia. Dari jumlah tersebut pula, hampir separuh daripadanya telah diperuntukkan untuk tujuan mendidik pelajar-pelajar di sekolah kerajaan bagi mempertingkatkan mutu pelajaran dan pendidikan negara ( Ramaiah, 1999). Tambahnya lagi, dalam agihan perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelapan sahaja, melalui jumlah yang telah diagihkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, sebanyak RM3,262.6 juta telah diperuntukkan bagi tujuan untuk perbelanjaan mengurus sekolah-sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan telah mengagihkan wang yang diperuntukkan ke sekolah-sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri untuk ditadbir oleh pengetua. Sebagai seorang pengetua, beliau perlu mentadbir kewangan sekolah dengan cekap dan berkesan. Adakah pemberian peruntukan yang besar itu mencukupi dan dapat diuruskan dengan baik oleh pentadbir sekolah? Sejauhmana pengurusan kewangan sekolah dapat dilaksanakan dengan sistematik, adalah bergantung kepada kemahiran, kepemimpinan dan sikap pengetua.

Pengurusan kewangan sekolah berfungsi untuk melicinkan perjalanan semua program yang telah dirancang oleh pihak sekolah berlandaskan arahan Kementerian Pendidikan. Pengurusan kewangan sekolah yang cekap akan dapat membantu memastikan semua matlamat dan wawasan sekolah tercapai. Oleh itu, kecekapan dalam pengurusan kewangan adalah sangat penting dan perlu ditekankan dalam sesebuah organisasi seperti sekolah (Ramanathan, 1993).

Seseorang pengetua yang merancang keperluan kewangan sekolahnya dengan baik akan dapat mempertingkatkan situasi pembelajaran yang berkesan. Situasi ini wujud apabila wang tersebut dibelanjakan untuk keperluan pembelajaran seperti persediaan alat bantuan mengajar dan prasarana sekolah serta bilik darjah yang selesa bagi guru dan muridnya (Hallinger & Heck, 1996).

Di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1961 dan *Account & Rules 1962*, pihak sekolah (melalui pentadbiran pengetua) dikehendaki menyelenggara dan menyimpan akaun-akaun serta rekod-rekod lain yang berkaitan dengan amalan sehariannya dengan sempurna, serta menyediakan dan mengemukakan satu penyata akaun mengenai tahun kewangan yang baru berlalu, kepada pihak audit tidak lewat dari 31 Mac pada tiap-tiap tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Mengikut *Education Rules, 1962* yang telah diterjemahkan :

*“Seorang pengurus atau penyelia atau orang lain yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sesebuah institusi pendidikan yang dibantu, perlu menyimpan akaun yang sempurna dan rekod-rekod lain dalam bentuk yang diperlukan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk semua perkara kewangan yang berkaitan dengan institusi pendidikan yang dibantu, dan perlu menyediakan dan menyerahkan satu penyata akaun tahun kewangan sebelumnya dengan segera dan tidak lewat dari 31 Mac pada setiap tahun”*

*(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000)*

Pentadbiran kewangan yang sistematik bergantung kepada kebijaksanaan pengetua menguruskan sumber kewangan, mengawal rapi penerimaan dan perbelanjaan dana-dana sekolah serta memastikan sebarang penyelewengan diperbetulkan dengan segera bagi meningkatkan mutu pendidikan di sekolah ( Shahril,1994 ).

Seseorang pengetua juga berkewajipan mewakili kepada orang lain dengan syarat adanya arahan bertulis dan pegawai yang diwakilkan tidak melepaskan diri dari tanggungjawabnya, (Arahan Perbendaharaan, 1990). Selain itu, seseorang pengetua atau Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan semua pengurusan kewangan diuruskan dengan sempurna dan sistematik. Sekiranya pengurusan kewangan sekolah tidak diuruskan dengan sistematik, ini akan menyebabkan pihak pengurusan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Semua urusan pentadbiran, pengurusan, kewangan, keputusan dan dasar pendidikan dikawal oleh Kementerian Pendidikan yang bertindak

sebagai badan yang tertinggi dalam sistem berpusat ( Mok *et.al.*,1988). Tujuan pentadbiran berpusat ini adalah untuk menjadikan pentadbiran kewangan dapat dijalankan dengan lebih teratur, kemas dan sempurna di semua sekolah di negeri-negeri agar dapat digerakkan dengan saksama dan adil ( Robiah, 1989).

Belanjawan di peringkat sekolah ialah satu aspek perancangan pendidikan bagi membiayai perkhidmatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh pihak sekolah dalam usaha menyediakan satu program pendidikan yang berkesan dan efektif (Zaidatol Akmaliah, 1990). Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri, akan memberi bantuan pelajaran kepada setiap sekolah berasaskan jumlah bilangan murid pada 1 Oktober pada setiap tahun.

Mengikut Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) dan Surat Pekeliling Kewangan Bil.12, Kerajaan Malaysia (1998) telah menjelaskan bahawa pemberian peruntukan bantuan pelajaran merupakan sejumlah wang daripada peruntukan belanja mengurus Kementerian Pendidikan yang telah diperuntukkan kepada pihak sekolah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan sekolah. Pemberian Bantuan Pelajaran ini bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti dan program-program sekolah dapat berjalan dengan lancar di samping dapat memenuhi matlamat sekolah dan aspirasi negara.

Bagi sekolah yang bukan merupakan Pusat Tanggungjawab (Kerajaan Malaysia, 2001) peruntukan ini akan diberikan kepada Jabatan Pendidikan, yang kemudian akan diagihkan mengikut tuntutan yang dibuat oleh sesebuah sekolah. Sekiranya sekolah berkenaan merupakan Pusat Tanggungjawab, bantuan per kapita ini diberikan terus kepada sekolah berkenaan mengikut jumlah pelajar sekolah berkenaan. Terdapat dua komponen Bantuan Per Kapita (PCG) yang diberikan kepada sekolah iaitu pertama ialah Bantuan Per Kapita mata pelajaran dan kedua, Bantuan Per Kapita bukan mata pelajaran.

Sekolah memerlukan seorang pengurus kewangan yang cekap (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1993). Wang yang diperuntukkan kepada sekolah merupakan satu amanah yang harus diurus dan dibelanjakan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan sama ada oleh Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan atau mengikut Arahan Perbendaharaan Kerajaan Malaysia. Pengurusan kewangan sesebuah sekolah akan melibatkan proses amalan penggunaan wang secara optimum supaya organisasi dapat mencapai objektif dan perancangan yang telah ditetapkan.

Pengurusan kewangan sekolah adalah satu aspek yang sangat penting di sekolah. Pengetua bertanggungjawab sepenuhnya menentukan bahawa pengurusan kewangan sekolah dijalankan mengikut peraturan-peraturan kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebarang

penyelewengan dalam pengurusan kewangan ini akan menjejaskan pentadbiran sekolah secara keseluruhannya. Pengetua dikehendaki meneliti dan mematuhi semua prosedur kewangan supaya dapat menentukan kelicinan pengurusan kewangan sekolah. Pengetahuan ini perlu untuk membolehkan pengetua menyelia kerja-kerja perkeranian dengan berkesan. Tugas pengurusan kewangan ini tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada kerani atau guru sahaja kerana tanggungjawab terakhir urusan kewangan ini adalah terletak kepada pengetua sendiri (Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, 1981).

Oleh kerana itu, seseorang pengurus sekolah seharusnya menubuhkan satu jawatankuasa pengurusan kewangan sekolah bagi melancarkan urusan kewangan tersebut. Jawatankuasa ini biasanya dipengerusikan oleh pengetua, dibantu oleh Penolong Kanan I dan seorang pembantu tadbir (Bahagian Kewangan). Jawatankuasa ini juga boleh dianggotai oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Penyelia Petang, Guru-guru Kanan Mata Pelajaran dan Guru Audit Sekolah (Persatuan Kebangsaan/Pengetua-pengetua Sekolah Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor, 1996).

Sistem perakaunan kewangan sekolah adalah tatacara mentadbir sumber dapatan kewangan sekolah untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan bagi memaksimumkan faedah pendidikan. Kementerian